



Kumpulan berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa integriti, kecemerlangan dan komitmen kakitangannya dengan sokongan sistem dasar, amalan dan kawalan dalaman, akan membantu mencipta nilai jangka panjang bagi Pemegang Saham kami.

# Tadbir Urus Korporat

## LEMBAGA PENGARAH

**Para Pengarah dan Pengurusan AmInvestment Group Berhad berkomited sepenuhnya dalam memastikan budaya korporat yang menekankan tadbir urus korporat yang baik. Kumpulan mengiktiraf betapa pentingnya prinsip dan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat diguna secara konsisten dalam keseluruhannya.**

AmInvestment Group Berhad (AIGB) telah mematuhi Amalan Terbaik dalam Tadbir Urus Korporat seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Komitmen Lembaga dicerminkan dalam pengendalian mesyuarat Lembaga yang kerap, pertubuhan pelbagai sistem dan proses untuk mencapai budaya kesedaran risiko yang menyeluruh dan pertubuhan Jawatankuasa Lembaga yang relevan untuk memandu AmInvestment Group ke arah memenuhi misinya **“Untuk menjadi Kumpulan Perbankan Pelaburan unggul yang dinamik dan menerajui arus perubahan”**.

### Prinsip 1: Pengendalian Urusan-urusan

Pemegang saham kami bergantung kepada Lembaga Syarikat untuk kepimpinan strategik dan pemantauan untuk AmInvestment Group. Lembaga mangakui tanggungjawab utamanya untuk bertindak secara gigih dan progresif, mengikut peruntukan undang-undang, dalam berkhidmat demi kepentingan Pemegang Saham dan juga kakitangannya, pelanggan dan masyarakat.

Peranan dan tanggungjawab Lembaga termasuk:

- Meninjau dan meluluskan rancangan perniagaan strategik untuk Kumpulan secara menyeluruh dan juga untuk setiap unit-unit operasi. Ini merangkumi bajet tahunan, rancangan korporat jangka pertengahan, pelaburan dan perlucutan pelaburan, serta penyatuan dan pengambilalihan.
- Meninjau pengendalian perniagaan untuk memastikan pengurusan yang baik termasuk penetapan matlamat yang jelas, dan dasar untuk diguna pakai oleh eksekutif kanan syarikat
- Mengenalpasti dan meluluskan dasar berhubung dengan pengurusan semua kategori risiko termasuk di antaranya risiko kredit, pasaran, kecairan, operasi, undang-undang dan reputasi.
- Meninjau kecukupan dan integriti kawalan-kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan termasuk sistem untuk pematuhan kepada undang-undang yang berkaitan, arahan, peraturan dan garis panduan.
- Berkhidmat sebagai badan tertinggi untuk meluluskan semua perbelanjaan kewangan yang penting.

### Prinsip 2: Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan

Oleh kerana AIGB adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan, ia tidak mempunyai seorang Ketua Pegawai Eksekutif. Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas di antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif subsidiari utama Syarikat untuk mengekalkan imbalan kuasa dan autoriti. Peranan-peranan ini tetap berasingan dan berbeza.

Pengerusi adalah bukan bebas dan bukan eksekutif. Pengerusi memainkan peranan kepimpinan yang penting di dalam Kumpulan dan terlibat dalam:

- Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Pemegang Saham dan Lembaga;
- Memantau prestasi Lembaga dan adunan kemahiran-kemahiran dan keberkesanan sumbangan mereka dengan bantuan Jawatankuasa Pencalonan; dan
- Mengekalkan dialog yang sedia ada bersama Ketua Pegawai Eksekutif pelbagai syarikat subsidiari utama dan memberi bimbingan dan panduan yang bersesuaian.

Lembaga menurunkan kuasa kepada Pengarah Urusan Kumpulan dan melalui tertakluk kepada pemantauannya, kepada pihak Pengurusan Kanan, kuasa dan tanggungjawab untuk mengurus hal ehwal harian Kumpulan.

Lembaga memantau pihak Pengurusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi pihak Pemegang Saham.


Pematuhan korporat yang baik bukan sahaja merangkumi pematuhan kepada keperluan berkanun tetapi juga untuk mewujudkan suatu persekitaran di mana keadilan, ketelusan, kebertanggungjawaban, dan tanggungjawab bergabung untuk menggalak pengendalian penuh integriti dan profesional di setiap peringkat organisasi kami.

### Prinsip 3: Komposisi, Pemilihan dan Perlantikan Lembaga

Lembaga berusaha untuk mencapai keseimbangan kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan perspektif di kalangan pengarahnya.

Lembaga kini terdiri daripada lapan (8) Pengarah di mana empat (4) adalah Bebas dan Bukan Eksekutif, memberikan satu keseimbangan yang sihat.

#### PEMILIHAN PENGARAH



**Perlantikan dan Perletakan Jawatan**  
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan bin Haji Baba baru-baru ini bersara sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan pelbagai subsidiarinya. Kumpulan amat bersyukur kerana mendapat seorang Pengarah Bebas dengan kalibernya untuk tempoh hampir satu dekad yang telah memberi sumbangan penting kepada kejayaan Kumpulan.

AmlInvestment Group mengalu-alukan perantikan ahli baru Lembaga, Y Bhg Dato' Gan Nyap Liou, yang telah dilantik sebagai Pengarah Syarikat dan AmMerchant Bank berkuatkuasa pada 15 Jun 2006.

### Prinsip 4: Prestasi Lembaga

#### Kebebasan Lembaga

Pengarah-pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah dari pelbagai latar belakang perniagaan dan pengalaman mereka membolehkan mereka membuat keputusan bebas dan mengambil bahagian dalam perjalanan mesyuarat dan membuat keputusan secara objektif.

Pengarah mengambil bahagian sepenuhnya untuk isu utama berkaitan Syarikat dan subsidiarinya. Pandangan Pengarah-pengarah Bebas Bukan Eksekutif penting dalam mendapatkan keputusan Lembaga. Mereka memenuhi peranan dalam memastikan strategi yang dicadangkan oleh Pengurusan dibincang dan dikaji sepenuhnya serta memastikan bahawa kepentingan Pemegang Saham dan mereka yang berkepentingan dalam Syarikat dijaga.

#### Kebebasan

Lembaga mengenakan kriteria yang dinyatakan di dalam Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia untuk mengesahkan sama ada seorang Pengarah Bukan Eksekutif ada perhubungan dengan Kumpulan AmBank yang boleh (atau diberi anggapan) menjejaskan kebolehan mereka membuat keputusan.

#### Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Selaras dengan cadangan-cadangan yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, maka Lembaga telah melantik Y Bhg Tan Sri Dato' Dr Aris Osman sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif di mana sebarang isu berkaitan dengan AmlInvestment Group boleh disampaikan kepadanya.

### Perlantikan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Akan Datang

Undang-undang Tubuh Syarikat membenarkan Lembaga untuk melantik seorang untuk menjadi Pengarah Syarikat pada bila-bila masa, tetapi orang tersebut perlu mendapatkan perlantikan oleh Pemegang-pemegang Saham dalam mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

### Tempoh Memegang Jawatan

Undang-undang Tubuh Syarikat memerlukan setiap Pengarah untuk bersara sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun ketika Mesyuarat Agung Tahunan, tetapi layak untuk dilantik semula.

### Perasmian Hak, Tugas dan Tanggungjawab

Setelah seorang pengarah dilantik, maka ada beberapa perkara penting berhubung dengan perasmian termasuk:

- *Tatakelakuan Pengarah*  
Kod ini memerlukan pengarah untuk mencapai tahap tatakelakuan dan etika yang tertinggi.
- *Surat Ikatan Pengarah*  
Surat ikatan ini merangkumi isu termasuk perlindungan dan ganti rugi, insurans liabiliti pengarah dan pegawai, hak untuk mendapat nasihat bebas, dan keperluan berkaitan dengan kerahsiaan maklumat.
- *Latihan Aruhan*  
Pengarah baru mengambil bahagian di dalam satu program aruhan rasmi yang memastikan pengarah bertemu dengan eksekutif AmlInvestment Group dan lain-lain kakitangan dan untuk membiaskan diri dengan rangka kerja pematuhan, pengurusan kewangan dan operasi perniagaan Kumpulan.

Setiap pengarah menerima satu set nota yang menggariskan tanggungjawab, bidang tugas pelbagai Jawatankuasa Lembaga dan garis panduan peraturan. Ia juga menyatakan dengan terperinci perihal mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa.

### Program Latihan Terpilih yang Dihadiri oleh Pengarah

Tajuk Kursus / Pelatih	Haribulan diadakan
'Executive Workshop on Risk Management' (Dr Heinz Riehl melalui IBBM)	18 Julai 2005
'Executive Briefing on New Financial Reporting Standard' (Pelatih daripada Ernst & Young)	4 Januari 2006
'Executive Workshop on Anti-Money Laundering and Corporate Fraud' (Encik Tan Sin Liang)	18 Januari 2006
'Executive Briefing on Islamic Banking' (Pelatih daripada IIUM)	18 April 2006

Ahli-ahli Lembaga digalakkan untuk menghadiri seminar, persidangan dan program pendidikan berterusan supaya dapat mengikuti perkembangan semasa dalam industri perkhidmatan kewangan. Mereka juga boleh menghadiri program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Organisasi Kumpulan.

Dalam tahun yang sudah, Pengarah telah menghadiri kursus latihan berkaitan dengan risiko korporat, strategi pengurusan dan perkembangan industri.

### Penilaian Prestasi

Penilaian prestasi dibuat oleh Jawatankuasa Pencalonan dan merangkumi Lembaga, setiap Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga.

Rangka kerja yang digunakan untuk menaksir Pengarah adalah berdasarkan harapan agar mereka menjalankan tugas mereka dengan suatu cara yang boleh mencipta dan terus membangunkan nilai untuk Pemegang Saham dan berhubung dengan tugas dan tanggungjawab yang disyaratkan ke atas mereka oleh undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

### Prinsip 5: Hak Berjumpa dengan Pengarah

Pengurusan boleh berunding dengan pengarah bila mana perlu. Pengurusan dan pemegang saham boleh berjumpa dengan Pengarah melalui Pengerusi, Pengarah Kanan Bebas dan Setiausaha Syarikat Kumpulan.

### Prinsip 6: Laluan kepada Maklumat

Semua pengarah mendapat laluan bebas untuk mendapatkan maklumat dalam Kumpulan. Nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat Kumpulan disediakan kepada Lembaga dalam perkara berhubung dengan undang-undang, penguasaan dan pematuhan kepada tugas berkanun.

Untuk membantu Pengarah memenuhi tanggungjawab mereka, setiap pengarah ada hak (dengan kebenaran terdahulu daripada pengerusi) untuk mendapat nasihat profesional bebas berkaitan dengan tanggungjawab mereka dengan tanggungan Kumpulan. Tambahan pula, Lembaga dan setiap Jawatankuasa, dengan tanggungan Kumpulan boleh mendapatkan nasihat profesional yang diperlukan untuk membantu mereka dalam tugas.

Mesyuarat Lembaga diadakan setiap bulan di mana laporan Lembaga diedarkan sebelum mesyuarat, membolehkan Pengarah mengkaji maklumat tambahan yang diperlukan. Mesyuarat Lembaga tambahan diadakan bila mana perlu. Pasukan Pengurusan Kanan subsidiari ada dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga untuk menyampaikan maklumat dan penjelasan berhubung perkara yang telah dibentangkan.

Tiga belas (13) mesyuarat Lembaga telah diadakan dalam tahun kewangan 2006. Kehadiran ahli Lembaga dalam mesyuarat

Lembaga dan pelbagai Jawatankuasa Lembaga disenaraikan dalam jadual.

#### Setiausaha Syarikat Kumpulan

Setiausaha Syarikat Kumpulan menghadiri semua mesyuarat Lembaga. Beliau diberi kuasa oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dalam perkara berhubung undang-undang, penguasaan dan mematuhi tugas berkanun, termasuk mematuhi keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia.

### Prinsip 7: Jawatankuasa Lembaga

Lembaga menurunkan kuasa tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga. Jawatankuasa yang membantu Lembaga adalah seperti berikut:

1. Jawatankuasa Pencalonan
2. Jawatankuasa Ganjaran
3. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Majoriti keahlian dalam Jawatankuasa yang terutama adalah Pengarah Bebas, prestasi Jawatankuasa ditaksir setiap tahun. Kriteria keahlian adalah berdasarkan kemahiran dan pengalaman seseorang Pengarah dan juga keupayaannya menambah nilai kepada Jawatankuasa.

Pengarah Urusan Kumpulan, Ketua Pegawai Eksekutif dan lain-lain kakitangan Pengurusan Kanan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa yang berkenaan.

#### Jawatankuasa Pencalonan

- Jawatankuasa terdiri daripada Pengerusi Syarikat, Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif dan tiga orang Pengarah Lembaga yang Bebas dan Bukan Eksekutif.
- Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali semasa tahun kewangan 2006.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk meninjau struktur, saiz dan komposisi Lembaga serta membuat cadangan kepada Lembaga akan perubahan yang perlu, la mengkaji prestasi Lembaga, Jawatankuasa dan Pengarah, la juga mencadangkan perantaraan Pengarah kepada Jawatankuasa Lembaga termasuk juga untuk meninjau setiap tahun adunan kemahiran, pengalaman, dan kepakaran yang dibawa oleh Pengarah Bebas ke dalam Lembaga.

Dengan kerumitan yang semakin mengembang dan cabaran-cabaran yang dihadapi industri kami, Lembaga memainkan peranan utama dalam menentukan hala tujuan Kumpulan.

#### Kehadiran Ahli Lembaga dalam Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga yang diadakan dalam TK2006

	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan	Jawatankuasa Ganjaran**
Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim	13/13 (Pengerusi)	1/1* (Ahli berkuatkuasa 1 Disember 2005)	T/B	T/B
Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman	10/13	1/1* (Ahli berkuatkuasa 1 Disember 2005, Pengerusi Jawatankuasa)	1/1* (Ahli berkuatkuasa 1 Disember 2005, Pengerusi Jawatankuasa)	(Ahli berkuatkuasa 11 Mac 2005)
Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert	13/13	3/3	T/B	T/B
Y Bhg Dato' Izhah Mahmud	13/13	1/1 (Ahli berkuatkuasa 1 Disember 2005)	4/4	(Ahli berkuatkuasa 11 Mac 2005, Pengerusi Jawatankuasa)
Mr Cheah Tek Kuang	13/13	3/3	T/B	(Ahli berkuatkuasa 1 Disember 2005)
Mr Kok Tuck Cheong	12/13	T/B	T/B	T/B
Ms Pushpa Rajadurai	13/13	T/B	4/4	T/B
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Hj Baba (Meletak jawatan berkuatkuasa 30 September 2005)	7/7*	1/1*	2/2*	T/B
Y Bhg Dato' Larry Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow***	T/B	T/B	T/B	T/B

#### Nota:

\* Menunjukkan bilangan mesyuarat yang telah diadakan semasa tempoh Pengarah dilantik.

\*\* Oleh kerana AIGB adalah sebuah syarikat pemegangan pelaburan, ia tidak mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran dari April 2005 hingga Mac 2006. Subsidiari operasi, AmMerchant Bank Berhad mengadakan tiga (3) mesyuarat.

\*\*\* Dilantik berkuatkuasa 15 Jun 2006 selepas tahun kewangan berakhir.

## Prinsip 8: Langkah untuk Merumus Dasar Ganjaran

### Jawatankuasa Ganjaran

Semua ahli Jawatankuasa Ganjaran adalah Pengarah Bukan Eksekutif.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menetapkan dan mencadangkan kepada Lembaga rangka kerja untuk ganjaran Pengarah.

## Prinsip 9: Tahap dan Adunan Ganjaran

### Ganjaran Pengarah

Ganjaran Pengarah adalah dirumus untuk memastikan bahawa Kumpulan terus mendapat dan mengekalkan pengarah yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang bersesuaian untuk mengurus kumpulan dengan berjaya. Lembaga menetapkan ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Kumpulan dengan cara Pengarah yang berkepentingan mengecualikan diri mereka daripada perbincangan dan mengundi berkaitan dengan ganjaran mereka.

## Prinsip 10: Pengurusan Risiko

### Jawatankuasa Pengurusan Risiko oleh Pengarah (RMCD)

Oleh kerana Syarikat adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan maka Jawatankuasa Pengurusan Risiko oleh Pengarah telah ditubuhkan sebagai Jawatankuasa Lembaga AmMerchant Bank Berhad dan AmSecurities Sdn Bhd.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif bertanggungjawab untuk memantau semua risiko dalam semua aspek perniagaan Kumpulan.

Ia bertanggungjawab untuk meninjau, memantau dan mengkaji pengurusan risiko, prinsip dan dasar, strategi, proses dan kawalan, termasuk kredit, pasaran, risiko operasi penyata kira-kira dan pematuhan. Jawatankuasa memastikan bahawa tindakan tangkas diambil dalam menangani isu risiko yang mendatang.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengarah telah bermesyuarat untuk sekian kali dalam tahun kewangan 2006:

Subsidiari	Bilangan Mesyuarat RMCD Diadakan
AmMerchant Bank Berhad	11
AmSecurities Sdn Bhd	3

## Prinsip 11: Kebertanggungjawaban

### Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan

Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan atau The Audit and Examination Committee (AEC) bertanggungjawab untuk meninjau dan memantau:

- Dasar dan kawalan laporan kewangan dan perakaunan Kumpulan,
- Tugas audit dalaman Kumpulan,
- Pematuhan kepada keperluan perundangan, dan
- Perlantikan, penilaian dan peninjauan auditor luaran.

Adalah menjadi dasar Lembaga agar sekurang-kurangnya ahli Jawatankuasa berpengalaman perakaunan/ kewangan. Jawatankuasa selalu bermesyuarat dengan auditor luaran dan Auditor Dalaman Kumpulan.

Dalam tahun ini Jawatankuasa telah bermesyuarat sekian kali:

Subsidiari	Bilangan Mesyuarat AEC Diadakan
AmMerchant Bank Berhad	8
AmSecurities Sdn Bhd	4

## Prinsip 12: Kawalan Kewangan

### Penyata Kawalan Dalaman

#### *Kenyataan Tanggungjawab*

Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab ke atas sistem kawalan dan keberkesannya, yang telah dirumus untuk memastikan operasi berkesan dan cekap, kawalan dalaman termasuk laporan kewangan dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan.

Dalam menubuhkan dan mengkaji sistem kawalan dalaman, Pengarah telah mengambil kira semua risiko yang material, kebermungkinan sesuatu kerugian itu berlaku dan kos kawalan. Maka sehubungan ini, sistem kawalan dalaman ini hanya dapat menyediakan jaminan yang berpatutan sahaja dan bukan jaminan penuh ke atas risiko kerugian material.

#### *Pengurusan Maklumat*

Kumpulan mematuhi dengan ketat keperluan pendedahan Bursa Malaysia termasuk juga keperluan yang berkaitan Securities Industry Act, 1983. Kod Etika Kumpulan dan langkah-langkah kawalan dalaman mengandungi satu polisi kerahsiaan ke atas maklumat material dan pendedahan korporat.

#### *Persekitaran Kawalan Dalaman dan Proses Utama*

Kumpulan telah mengambil dan mengamalkan satu pendekatan yang rasmi dan bersepadu untuk kawalan dalaman dan pengurusan risiko. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan meninjau penyata kewangan Kumpulan dan tugas Jabatan Audit Dalaman Kumpulan.

Jabatan Audit Dalaman Kumpulan memberi kepastian bahawa rumusan dan operasi rangka kerja risiko dan kawalan di serata Kumpulan adalah berkesan.

## Laporan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan

### Bidang Tugas

Fungsi-fungsi Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- (a) Memberi bantuan dan untuk mengkaji dan melaporkan kepada Lembaga dalam perkara berhubung:
  - i) Memenuhi tanggungjawab berkanun dan fidusiari syarikat Kumpulan; dan
  - ii) Memantau amalan laporan kewangan dan perakaunan Syarikat/Kumpulan.
- (b) Menentukan bahawa Syarikat/Kumpulan mempunyai dasar yang secukupnya, langkah dan garis panduan, kawalan operasi dan dalaman, dan bahawa mereka sedang dipatuhi dan sedang dikendalikan dengan berkesan dalam menambahkan kecekapan dan pengendalian yang benar serta melindungi aset Syarikat/Kumpulan;
- (c) Untuk berkhidmat sebagai pihak bebas dan objektif dalam meninjau maklumat kewangan Syarikat/Kumpulan yang disampaikan oleh Pengurusan kepada Lembaga dan Pemegang Saham;
- (d) Untuk mengkaji keputusan suku tahun Syarikat/Kumpulan dan memastikan pematuhan kepada piawai perakaunan dan keperluan undang-undang;
- (e) Untuk mengkaji dan meluluskan bidang audit, rancangan audit dan laporan audit kedua-dua auditor dalam dan luaran;
- (f) Untuk menilai kecukupan dan keberkesanan sistem-sistem kawalan Pengurusan Syarikat/Kumpulan dengan cara mengkaji laporan kedua-dua auditor dalam dan luaran yang menekankan kelemahan perakaunan dalaman, kawalan organisasi dan operasi, dan untuk menetapkan tindakan-



- (g) Untuk memastikan kecukupan bidang, fungsi-fungsi dan sumber-sumber audit dalaman dan supaya mereka ada kuasa secukupnya untuk menjalankan tugas;
- (h) Untuk memastikan melalui perbincangan dengan auditor luaran dan dalaman, tiada sekatan yang dikenakan oleh Pengurusan and kakitangan ke atas bidang pemeriksaan mereka;
- (i) Untuk mengarah dan menyelia mana-mana projek istimewa yang perlu;
- (j) Untuk menyediakan dan apabila perlu laporan berkala kepada Lembaga menyenaraikan tugas yang telah dijalankan untuk memenuhi tanggungjawab utama Jawatankuasa;
- (k) Untuk meninjau mana-mana urusan niaga dan situasi konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat/Kumpulan termasuk urusan niaga, langkah atau tindakan yang mengundang persoalan integriti pengurusan; dan
- (l) Untuk meninjau perantaraan tahunan auditor luaran, untuk merunding dan meluluskan fi audit tahunan dan/atau fi audit istimewa dan menilai dasar bil.

### Ringkasan Aktiviti Utama

Berikut adalah ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa sepanjang tahun:

#### Audit Dalaman

- Meninjau dan meluluskan rancangan audit tahunan Jabatan Audit Dalaman termasuk keperluan sumber dan latihan.
- Mengkaji pendekatan Jabatan Audit Dalaman dalam mentaksir tahap risiko pelbagai bidang yang boleh diaudit dan memastikan penekanan audit diberi dalam bidang berisiko kritikal.
- Memantau kemajuan Jabatan Audit Dalaman dalam menyempurnakan rancangan auditnya dan menaksir prestasi jabatan.
- Mengkaji kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan, laporan dan pengurusan risiko untuk memastikan adanya suatu kaedah yang sistematik dalam mengenalpasti, menaksir dan mengurangkan kawasan berisiko.

- Meninjau laporan Jabatan Audit Dalam (termasuk siasatan dalaman, Bank Negara Malaysia, auditor luaran dan lain-lain pihak luaran) dan menimbang gerak balas pengurusan dan jika perlu mengarah Pengurusan untuk mengambil langkah baik pulih yang berpatutan. Jawatankuasa juga menjejak isu utama yang dibangkitkan dalam laporan.

#### Audit Luaran

- Meninjau perantikan auditor luaran dan kebebasan serta keberkesanan mereka.
- Mengkaji rancangan audit mereka, fi audit tahunan dan bidang tugas untuk tugas audit dan bukan audit.
- Meninjau keputusan auditor luaran dan melaporkan tindakan susulan Pengurusan terhadap laporan auditor luaran.

#### Keputusan Kewangan

- Mengkaji keputusan suku tahun dan penyata kewangan Kumpulan sebelum mencadangkannya untuk diluluskan oleh Lembaga.
- Mengkaji penyata kewangan tahunan Kumpulan bersama auditor luaran sebelum dibentangkan kepada Lembaga untuk diluluskan.
- Pematuhan kepada undang-undang dan peraturan berikut dipastikan:
  - Peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989
  - Keperluan penyenaian Bursa Malaysia
  - Piawaian perakaunan Malaysia
  - Lain-lain keperluan peraturan

#### Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Meninjau urus niaga pihak berkaitan dan kecukupan langkah Kumpulan dalam mengenalpasti, memantau, melapor dan meninjau urus niaga pihak berkaitan.

## Prinsip 13: Audit Dalaman

### Fungsi Audit Dalaman

Fungsi audit beroperasi di bawah sebuah piagam daripada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan yang memberinya laluan tanpa halang untuk memeriksa semua aktiviti Kumpulan. Ketua Audit Dalaman Kumpulan melaporkan kepada Jawatankuasa.

Jawatankuasa ini juga meluluskan rancangan audit tahunan dan suatu pendekatan audit berdasarkan risiko digunakan untuk memastikan bahawa aktiviti yang lebih berisiko tinggi dalam setiap unit perniagaan diaudit setiap tahun. Semua audit dikendalikan dengan cara yang mematuhi piawaian audit antarabangsa.

Fungsi audit merangkumi semua kumpulan perniagaan utama dan terdiri daripada 5 kategori utama:

Rancangan Audit	Kajian kitaran pembangunan sistem untuk projek infrastruktur IM utama	Kajian fokus khas	Audit mandatori	Kajian ad-hoc dan tugas khas
1	2	3	4	5

Di antaranya, rancangan audit merangkumi penilaian ke atas kecukupan perkara-perkara berikut:

- Pengurusan risiko
- Kualiti aset
- Kawalan operasi
- Kawalan kewangan
- Kawalan pelanggan
- Pematuhan undang-undang dan peraturan
- Kecukupan pengurusan
- Amalan pinjaman
- Teknologi maklumat
- Pangkalan data dan sekuriti rangkaian

Jabatan Audit Dalaman Kumpulan memainkan peranan aktif dalam memastikan pematuhan kepada keperluan pihak penguasaan.

Jabatan juga berkerjasama dengan auditor luaran untuk memastikan bidang audit yang meluas.

Terdapat suatu proses untuk memastikan penyelesaian tangkas isu audit termasuk tinjauan bulanan oleh Pengerusi Jawatankuasa. Jawatankuasa ini juga menerima laporan rasmi untuk isu penting sehingga tindakan yang berpatutan telah diambil.

### Audit Luaran

Tetuan Ernst & Young (E & Y) adalah auditor luaran syarikat dan juga auditor untuk akaun-akuan bergabung untuk menyediakan laporan tahunan. Auditor tahunan melakukan audit-audit bebas mengikut piawai perakaunan Malaysia dan melaporkannya terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan.

Jawatankuasa ini juga:

- Meluluskan semua perkhidmatan audit dan bukan audit;
- Meninjau kebebasan audit luaran; dan
- Menilai keberkesanan auditor luaran

Mereka dipilih oleh Pemegang Saham setiap tahun.

### Perkhidmatan Bukan Audit

Auditor luar tidak boleh menyediakan perkhidmatan yang boleh dianggap sebagai bertentangan dengan peranannya sebagai auditor. Ini termasuk nasihat perunding dan sub-kontrak aktiviti yang kebiasaannya dijalankan oleh pengurusan dan juga tugas lain di mana auditor mungkin perlu memberi mendapat berkenaan tugasnya sendiri.



Secara khususnya dasar ini:

- Menghadkan perkhidmatan bukan audit yang disediakan
- Memerlukan perkhidmatan audit dan bukan audit diluluskan terdahulu oleh Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah meninjau ringkasan perkhidmatan bukan audit yang ditawarkan oleh auditor luaran bagi TK2006 dan mengesahkan bahawa peruntukan perkhidmatan adalah bersesuaian dengan piawaian kebebasan auditor.

#### Fi Audit

Jumlah fi untuk audit berkanun dan bukan berkanun untuk kumpulan AHB (tidak termasuk perbelanjaan dan cukai perkhidmatan) yang dikenakan oleh E&Y bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2006 berjumlah RM0.36 juta.

#### Fi Perkhidmatan Bukan Audit

Jumlah fi untuk bukan audit dikenakan oleh E&Y bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2006 berjumlah RM0.14 juta.

Fi bukan audit adalah kebanyakannya berhubung dengan memeriksa surat pekeliling berkaitan dengan Modal Kacok Peringkat-1 terbitan AmBank, bon bersubordinat terbitan AmMerchant Bank dan penubuhan subsidiari perbankan Islam.

#### Penyata Tanggungjawab

Lembaga Pengarah diperlukan oleh Akta Syarikat 1965 untuk menyediakan penyata kewangan untuk setiap tahun kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama Kumpulan dan kedudukan hal ehwal, keputusan dan aliran tunai pada akhir tahun kewangan.

Setelah berbincang dengan auditor, Pengarah mendapati bahawa:

- Dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian telah digunakan secara konsisten dan disokong oleh keputusan yang berpatutan dan cermat, dan semua piawaian perakaunan yang difikirkan bertepatan telah diikuti dalam penyediaan penyata kewangan;

- Kumpulan menyimpan rekod perakaunan yang didedahkan dengan ketepatan yang bersesuaian; dan
- Penyata-penyata kewangan patuh dengan Akta Syarikat 1965.

Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga juga bertanggungjawab untuk mengambil langkah untuk melindungi aset Kumpulan dan untuk mengesan dan menghalang penipuan dan lain perkara di luar aturan.

AmInvestment Group berkomitmen untuk memastikan ia mempunyai polisi yang berpatutan dan amalan sesuai untuk memandu tindakannya.



## Prinsip 14: Berkomunikasi dengan Pemegang Saham

### Berinteraksi dengan Pemegang Saham dan Pelabur

Kumpulan percaya dalam pendedahan bertepatan masa kepada Pemegang Saham dan pelabur-pelabur semua maklumat sensitif harga kepada Pemegang Saham seperti yang diperlukan oleh peraturan Penyenaaran Bursa Malaysia. Sebagai sebahagian usaha program perhubungan pelabur Kumpulan yang aktif untuk berbincang isu jangka panjang dan memperoleh maklum balas, Pengerusi, Pengarah dan pihak Pengurusan Kumpulan telah selalu bersedia untuk mengadakan perbincangan dengan penganalisis dan Pemegang Saham.

### Komunikasi dengan Pemegang Saham

- Ahli-ahli Lembaga telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luarbiasa di mana pemegang saham yang hadir telah diberi tinjauan cadangan korporat, prestasi kewangan tahunan Kumpulan serta prospek akan datang.

- Pemegang Saham diberi peluang untuk bertanya soalan atau meminta penjelasan daripada Lembaga berhubung isu yang berkaitan dengan ketetapan untuk diluluskan. Pemegang Saham juga ada hak untuk mengundi di atas pelbagai ketetapan berkaitan dengan perihal syarikat. Jika Pemegang Saham tidak dapat hadir, mereka boleh menyampaikan proksi melalui pos. Auditor luaran juga hadir untuk membantu Pengarah menjawab soalan daripada Pemegang Saham. Auditor boleh memberi respon terhadap mana-mana perkara perniagaan yang bersangkutan dengan peranan mereka sebagai auditor.
- Pengumuman bertepatan masa disampaikan kepada masyarakat am berhubung dengan cadangan korporat syarikat, keputusan kewangan dan lain-lain pengumuman yang diperlukan.

Maklumat kewangan dan korporat Kumpulan AmBank juga telah disediakan untuk pemegang saham dan awam melalui laman web Kumpulan AmBank di [ambg.com.my](http://ambg.com.my), yang kerap dikemaskinikan.

Selain daripada ini, mereka juga boleh mendapatkan pengumuman terkini mengenai Kumpulan melalui laman web Bursa Malaysia di <http://announcements.bursa.malaysia.com>.

Kakitangan Pengurusan Kanan yang bertanggungjawab ke atas aktiviti adalah Perhubungan Pelabur:

- Encik Cheah Tek Kuang, Pengarah Urusan Kumpulan
- Puan Amarjeet Kaur, Pengarah, Perkhidmatan Korporat Kumpulan

Dalam tahun ini, Syarikat telah mengadakan beberapa taklimat untuk pelabur institusi utamanya di Kuala Lumpur, Eropah, Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, dan Hong Kong untuk memastikan bahawa komuniti pelaburan menerima suatu gambaran yang lengkap dan seimbang ke atas prestasi Kumpulan dan perkara yang menarik berkenaan perniagaan.

## Takwim Perhubungan Pelabur

### 2006

**26 Jun 2006**

#### CLSA

Hari Akses ASEAN  
Singapura

**6-8 Jun 2006**

#### Merrill Lynch

Forum 'One-On-One' Pasaran Baru Global Tahunan Ke-10  
California, Amerika Syarikat

**10-12 Mei 2006**

#### Citigroup

Persidangan Kewangan 2006  
Singapura & Hong Kong

**26 Januari 2006**

#### BNP Paribas

Hari Korporat Malaysia  
Singapura

**12-13 Januari 2006**

#### Deutsche Bank

Persidangan Korporat Tahunan Malaysia  
Singapura

### 2005

**10-14 Oktober 2005**

#### Merrill Lynch

Forum Perkhidmatan Kewangan Pelabur AsiaPac Merrill Lynch Ke-8  
London

**27-28 Jun 2005**

#### Citigroup

Hari Korporat ASEAN Citigroup (Persidangan Pelabur Institusi Kewangan)  
London & New York

**7-9 Jun 2005**

#### Merill Lynch

Forum 'One-On-One' Pasaran Baru Global  
California, Amerika Syarikat

**16-17 Mei 2005**

#### Citigroup

Undangan Persidangan Pelabur Institusi Kewangan  
Singapura & Hong Kong

**18-19 April**

#### ABN Amro Asia Equity Research (M) Sdn Bhd

Persidangan ABN Amro Malaysia  
Boston & New York

**22-24 Mac 2005**

#### CIMB

Invest Malaysia 2005  
Kuala Lumpur



Demi mengekalkan kedudukan kami sebagai kumpulan perbankan pelaburan yang terunggul, kami sentiasa berusaha menjadi inovatif di dalam industri yang mendesak penyelesaian baru lagi kreatif untuk pelanggan yang berpelbagai.

# Pematuhan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia

## Maklumat Pematuhan Bursa Malaysia Yang Lain

### 1. Pembelian Balik Saham

Syarikat tidak membeli apa-apa sahamnya sendiri semasa tahun kewangan 2006 dan tahun kewangan sebelumnya.

### 2. Kontrak Material

Tiada kontrak material (bukan kontrak yang dimasukkan ke dalam urusan biasa perniagaan) dimasukkan oleh Kumpulan yang melibatkan para pengarah dan pemegang saham, sama ada masih kekal di akhir tahun kewangan atau dimasukkan sejak akhir tahun kewangan sebelumnya.

### 3. Resit Depositori Amerika (ADR) atau Resit Depositori Global (GDR)

Syarikat tidak menganjurkan apa-apa program ADR atau GDR bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006.

### 4. Sekatan dan/atau Penalti

Tiada sekatan dan/atau penalti dikenakan ke atas Syarikat, pengarah atau pihak pengurusan oleh badan pengawasan yang berkaitan semasa tahun kewangan.

### 5. Jaminan Keuntungan

Semasa tahun kewangan, tiada jaminan keuntungan diberikan oleh Syarikat.

### 6. Polisi Penilaian Semula

Syarikat tidak menilai semula hartanah bertanahnya dan oleh itu tidak mengguna pakai apa-apa polisi penilaian semula pada tarikh laporan ini.

### 7. Penggunaan Wang Hasil Daripada Usul-usul Korporat

Semasa tahun kewangan ini, usaha-usaha menerbitkan dana yang dijalankan oleh subsidiari-subsidiari Syarikat adalah seperti berikut:

- (a) Hasil sejumlah RM294.781 Juta daripada penyenaraian Syarikat yang melibatkan antaranya terbitan saham sebanyak 210,558,000 oleh Syarikat pada harga terbitan RM1.40 sesaham biasa telah digunakan seperti di dalam Jadual 1.
- (b) Pada 30 Oktober 2005, AmMerchant Bank Berhad telah menerbitkan Bon-Bon Bersubordinat Tier 2 yang layak sebagai dana-dana modal, untuk tujuan menebus Sijil-sijil Deposit Boleh Niaga Bersubordinat bagi sebahagiannya dan untuk membiayai kos-kos penerbitan untuk terbitan ini. Perihal ini dijelaskan dalam Jadual 2.

**Jadual 1: Penggunaan Hasil oleh AIGB**

Perkara	Penggunaan yang Diluluskan (RM'000)	Penggunaan Sebenar (RM'000)
Penyelesaian melalui pembayaran tunai kepada AMMB Holdings Bhd menurut kepada pemindahan 100% AmSecurities Holding Sdn Bhd kepada Syarikat	214,400	214,400
Pembayaran kos-kos penyenaraian yang dianggarkan	9,000	4,200
Modal kerja	71,381	76,181 <sup>1</sup>
Jumlah hasil	294,781	294,781

Nota:

<sup>1</sup> Sebanyak RM50.0 Juta daripada hasil diperuntukkan sebagai modal kerja. AIGB telah disuntik sebagai modal saham dalam AmMerchant Bank Berhad pada 31 Mei 2005. Baki sebanyak RM26.2 Juta telah diperuntukkan untuk penggunaan sebagai modal kerja untuk operasi Kumpulan.

**Jadual 2: Penggunaan Hasil oleh AmMerchant Bank Berhad**

Perkara	Penggunaan (RM'000)
Sebahagian beli balik oleh NSCD	199,335
Pembayaran untuk kos-kos penerbitan	665
<b>Jumlah hasil</b>	<b>200,000</b>

## 8. Opsyen, Waran atau Sekuriti Boleh Tukar

Tiada waran-waran yang belum dijelaskan pada 31 Mac 2006.

## 9. Variasi dalam Keputusan

Tiada ramalan keuntungan, projeksi atau keputusan tidak diaudit yang dibuat atau diumumkan bagi Tahun Kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2006.

## 10. Urus Niaga Perolehan atau Bersifat Perniagaan Pihak Berkaitan yang Berulang

Oleh kerana Syarikat hanya disenarai secara awam pada 18 Mei 2005, maka Bursa Saham telah memberi Syarikat masa tambahan sehingga mesyuarat agung akan datang untuk mendapatkan mandat-mandat baru daripada pemegang-pemegang saham untuk membolehkan Kumpulan menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat perolehan atau perdagangan.

Mengikut perenggan 10.09 (1)(b), Bahagian E, Bab 10 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia, butiran urusniaga pihak berkaitan berulang yang dijalankan semasa tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006 mengikut mandat pemegang saham dilampirkan seperti berikut:

Pihak-pihak yang berurus niaga untuk semua pihak berkenaan terdiri daripada AIGB dan salah satu daripada subsidiari-subsidiarinya.

**Jadual 3: Maklumat Berhubung dengan Urusniaga-urusniaga Berulang Pihak Berkaitan yang Memerlukan Ratifikasi daripada Pemegang-pemegang Saham Mengikut kepada Mandat-mandat Pemegang-pemegang Saham**


Pihak Berkaitan	Jenis Urus Niaga oleh Pihak Berurus Niaga	Nilai Sebenar (RM'000)	Pertalian dengan Syarikat
MCM Consulting Sdn Bhd	Pembelian perisian dan perkakasan dan peruntukan perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat <sup>1</sup>	460	Syarikat yang mana seorang Pengarah dan pemegang saham utamanya dianggap mempunyai kepentingan
MCM Systems Sdn Bhd		496	
MCM Horizon (Dikenali sebelumnya sebagai Blue Star Infotech (Malaysia) Sdn Bhd)		167	
Harpers Travel (M) Sdn Bhd	Perkhidmatan tiket penerbangan	797	
Computer System Advisers (M) Berhad	Pembelian perisian dan perkakasan dan peruntukan perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat	1,146	Syarikat yang mana seorang Pengarah dianggap mempunyai kepentingan

Nota:

<sup>1</sup> Perkhidmatan berkaitan perundingan IT terdiri tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan berikut:

- (a) reka bentuk, pembangunan dan penyesuaian perisian;
- (b) integrasi, pemasangan, implementasi, ujian dan pentauliahan perisian sistem yang ditentukan;
- (c) peruntukan perkhidmatan penyelenggaraan dan naik taraf terhadap rangka utama sedia ada yang berkait dengan aplikasi dan sistem;
- (d) pembangunan, mengoptimalkan dan implementasi laman web; dan
- (e) peruntukan perkhidmatan pengurusan projek.

## Menguruskan Risiko



Falsafah pengurusan kami menyediakan perniagaan kami denganimbangan antara kebebasan operasi dan galakan untuk inovasi dalam satu aspek dan kawalan tegas dalam had risiko dan piawai profesional.

## Gambaran Keseluruhan

Sebagai sebuah bank pelaburan yang unggul, risiko adalah satu perkara yang sentiasa wujud dalam perniagaan. Pasaran-pasaran modal global, disebabkan oleh sifat mereka, sering dalam keadaan ketidakpastian dan menyebabkan peserta-peserta berhadapan dengan pelbagai risiko. Walaupun risiko tidak boleh dihapuskan sepenuhnya, namun ia boleh diurus sebaik mungkin melalui persekitaran kawalan dalaman yang kental.

**Lembaga pengarah memberi kepimpinan, meninjau keinginan terhadap risiko dan memastikan bahawa satu budaya risiko dan pematuhan yang teguh akan dapat mengatasi segala risiko dan yang berkaitan dengannya. Walaupun AIGB adalah satu syarikat pemegang, dan operasi perniagaan dijalankan melalui operasi subsidiari-subsidiarinya yang utama, namun Jawatankuasa Pengarah untuk Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko telah ditubuhkan di AmMerchant Bank Berhad untuk memantau operasi Bank dan subsidiari-subsidiarinya.**

### Risiko Perniagaan Utama

Sebagai kumpulan perbankan pelaburan dengan aktiviti-aktiviti yang merangkumi nasihat korporat, pengasalan hutang dan hasil-hasil pasaran modal ekuiti, kewangan, perdagangan dan pelaburan instrumen kewangan, dan perdagangan sekuriti bagi pihak pelanggan, risiko perniagaan yang sedia ada boleh dibahagikan kepada berikut:

- (a) Risiko Pasaran, iaitu risiko kerugian bersabit dengan perubahan nilai portfolio dan instrumen kewangan akibat perubahan dalam pembolehubah pasaran seperti kadar faedah, pertukaran asing dan harga ekuiti.
- (b) Risiko pembiayaan iaitu risiko jikalau Bank tidak dapat membiayai operasi hariannya pada kos yang berpatutan
- (c) Risiko kredit, iaitu kerugian akibat ketidakbolehan atau ketidakmampuan pihak perjanjian untuk memenuhi obligasi kontraktual,

(d) Risiko operasi iaitu risiko kerugian yang mungkin ditanggung akibat keretakan proses-proses dalaman, kekurangan dalam manusia atau kegagalan operasi hasil daripada kejadian luaran.

(e) Risiko undang-undang dan peraturan iaitu risiko pelanggaran undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan, pecah amanah, tidak dapat menguatkuasakan obligasi kontraktual, dan dokumentasi yang tidak sesuai dan sempurna.

Setiap risiko perniagaan ada kesan ke atas keadaan kewangan Bank dan setiap urusan yang dijalankan oleh Bank adalah berhubung rapat dengan risiko-risiko ini.

Untuk berhadapan dengan risiko-risiko ini, Bank telah mengadakan sistem-sistem dan langkah-langkah dalam pendekatan pengurusan risikonya agar pelencongan daripada objektif-objektif sasaran Bank dapat dibendung ke tahap yang munasabah.

Maka proses pengurusan risiko adalah bertujuan untuk mengenalpasti, mengumpul dan menganalisis risiko-risiko yang ditanggung oleh Bank pada peringkat awal, menyukat secara berterusan dan memantau risiko-risiko dan untuk menetapkan had-had,

dasar-dasar dan/atau peraturan-peraturan untuk mengawalinya dengan tujuan untuk memastikan tanggungan risiko yang berpada dan pulangan yang mencukupi.

### Jabatan Pengurusan Risiko

Jabatan pengurusan risiko terdiri daripada beberapa unit untuk mengadakan lindungan yang lengkap daripada semua risiko-risiko dalam bank. Fungsi-fungsi mereka termasuk penyelidikan dan menganalisis, melaporkan pendedahan risiko, memantau pematuhan had, merumus dasar-dasar risiko dan kaedah taksiran risiko dan merumus strategi-strategi risiko Bank.

Kami secara berterusan mengubah pendekatan kami mengurus risiko-risiko untuk menyesuaikan dengan suasana ekonomi yang berubah.

## Matlamat Pengurusan Risiko



## Pendedahan Pengurusan Risiko

Kaedah pengurusan terhadap risiko-risiko utama dalam perniagaan kami diperjelaskan dalam perenggan-perenggan selanjutnya.

### Pengurusan Risiko Pasaran

Perubahan dalam kadar faedah dan pertukaran asing, spread kredit dan hadiah-hadiah ekuiti, dan kenaikan kemudahubahan boleh menjejaskan nilai instrumen-instrumen kewangan dan mungkin juga menjejaskan pendapatan yang berkaitan dengan aliran pelanggan dan pulangan-pulangan perdagangan proprieriti. Ia boleh juga menjejaskan volum urus niaga hutang dan ekuiti, penaja jaminan dan penyatuan dan pengambilalihan.

Matlamat utama pengurusan risiko pasaran adalah untuk memastikan agar kerugian daripada risiko pasaran boleh tangkas dibendung dan kedudukan berisiko cukup kecairannya untuk membolehkan Bank mengurangkan kedudukannya tanpa menanggung kerugian yang melebihi kemampuannya.

**Struktur Pengurusan Risiko Pasaran**  
Pengurusan risiko pasaran adalah tanggungjawab ERM yang mengendalikan risiko pasaran. Para ahli dan jemputannya termasuklah

pihak pengurusan kanan unit perniagaan dan sokongan seperti Jabatan Perbendaharaan, Pengurusan Risiko dan Kewangan.

Polisi risiko pasaran seperti yang diluluskan oleh ERM dilaksanakan oleh unit-unit perniagaan yang berkenaan dan jika perlu, diawasi dan dilaporkan semula ke ERM oleh Jabatan Perbendaharaan dan/atau Pengurusan Risiko. ERM melaporkan kepada RMCD tentang kedudukan risiko pasaran bank pada setiap suku tahun dan mengutarakan isu-isu utama yang telah dibincangkan.


#### Kaedah Pengurusan Risiko

Risiko pasaran bagi portfolio dagangan dan bukan dagangan Bank diuruskan secara berasingan. Bank menggunakan pendekatan '(duration-weighted-gap value-at-risk atau DWG VAR)' dalam mengira pendedahan risiko pasaran bagi portfolio bukan dagangan dan 'parametric value-at-risk' atau 'parametric VAR' serta analisis kepekaan digunakan untuk mengira risiko pendedahan bagi portfolio dagangan.

Bank mengawal pendedahan risiko pasarnya bagi aktiviti-aktiviti dagangan dan bukan dagangan terutamanya melalui beberapa siri had. Had mengelak kerugian, parametric VAR dan had kepekaan posisi mentadbir aktiviti dagangan Bank manakala had DWG VAR mengawal kedudukan bukan dagangan.

Setiap meja perniagaan yang berkenaan diberikan had terkini bulanan, suku tahun dan tahunan bagi 'had mengelak' kerugian berdasarkan bajet keuntungan perniagaan. Had VAR digunakan untuk mengawal saiz kedudukan risiko dalam menentukan ianya adalah dalam lingkungan keupayaan Syarikat. Diluluskan oleh Lembaga Pengarah, struktur had ini menyelaraskan aktiviti pengambilan risiko tertentu dengan tahap pengambilan risiko keseluruhan Syarikat dan unit-unit perniagaan individunya

Untuk melengkapkan VAR, Bank mempunyai satu set analisis senario sebagai penunjuk kepada perubahan dalam nilai portfolio di bawah pelbagai keadaan-keadaan pasaran yang berkemungkinan seperti perubahan kadar matawang, harga-harga ekuiti dan kadar faedah termasuk juga perubahan dalam keluk pulangan.





## Pengurusan Risiko Pembiayaan

Risiko pembiayaan adalah risiko di mana Bank tidak dapat membiaya operasi harian pada kos yang munasabah. Kecairan boleh terjejas akibat ketidakmampuan untuk mendapatkan deposit-deposit jangka lama atau jangka pendek, pembelian semula atau pasaran-pasaran pinjaman sekuriti atau pengeluaran daripada kemudahan kredit, disebabkan oleh faktor-faktor khusus kepada kami atau keadaan pasaran secara menyeluruh. Jumlah dan pengaturan masa kejadian yang tidak dirancang, seperti komitmen yang

tidak dibiaya dan rancangan di luar jangka turut menjejaskan keperluan tunai dan kecairan.

Objektif utama rangka kerja pengurusan risiko pembiayaan adalah menentukan adanya dana yang mencukupi pada kos yang munasabah untuk memenuhi semua komitmen kewangannya apabila ia matang. Objektif tambahannya adalah menentukan struktur dana yang optimum dan mengimbangi objektif utama pengurusan risiko pembiayaan, yang termasuk kepelbagaian sumber dana, pangkalan pelanggan dan tempoh matang.

## Struktur Pengurusan Risiko Pembiayaan

Pengurusan risiko pembiayaan adalah tanggungjawab ERMIC yang mengendalikan risiko pembiayaan. Para ahli dan jemuatannya termasuklah pihak pengurusan kanan unit perniagaan dan sokongan seperti Jabatan Perbendaharaan, Pengurusan Risiko dan Kewangan.

Polisi risiko pembiayaan seperti yang diluluskan oleh ERMIC dilaksanakan oleh unit-unit perniagaan yang berkenaan dan jika perlu, diawasi dan dilaporkan semula ke ERMIC oleh Jabatan Perbendaharaan dan/atau Pengurusan Risiko. ERMIC melaporkan kepada RMCD tentang kedudukan risiko pasaran bank pada setiap suku tahun dan mengutarakan isu-isu utama yang telah dibincangkan.

### Proses Pengurusan Risiko

#### Mengawasi dan mengkaji prestasi proses pengurusan risiko:

- Mengkaji semula keberkesanan dalam meringankan sukatan atau kawalan
- Pengesanan insiden dan kerugian
- Mengkaji semula maklum balas laporan dalaman dan mengambil tindakan yang sesuai

#### Mengenalpasti apa, mengapa, dan bagaimana risiko timbul:

- Sifat risiko
- Keadaan
- Sebab
- Faktor penyumbang berpotensi

#### Kaedah Pengurusan Risiko Pembiayaan

Pengurusan risiko pembiayaan yang sedang dilaksanakan adalah berasaskan strategi utama berikut:

- pengurusan aliran tunai; dengan mengekalkan jumlah tunai yang mencukupi dan aset cair yang melebihi apa yang telah ditetapkan oleh BNM dalam rangka kerja ketidakpadanan kematangan aliran tunai.
- analisis senario; perniagaan baru, perubahan dalam portfolio serta senario tekanan berdasarkan pengalaman pengeluaran yang besar di masa lampau.
- kepelbagaian dan kestabilan liabiliti melalui pengurusan sumber dana, kepelbagaian pangkalan pelanggan pendeposit dan pendedahan antara bank.

Langkah yang diambil untuk pengurusan risiko pembiayaan adalah berbeza dan merangkumi pengawasan dan laporan harian hingga bulanan. Ia termasuklah aliran tunai mingguan, pengawasan jumlah pendeposit dan nisbah utama lain yang berkaitan secara harian dan laporan bulanan kepada ERMIC tentang langkah-langkah atau apa-apa pelanggaran had, jika ada.



**Rangka Kerja Urus Tadbir Risiko dan Objektif Menyeluruh**

<p><b>LEMBAGA PENGARAH</b></p>	<p>Meluluskan strategi pengurusan risiko Bank dan meluluskan pelaksanaan produk atau aktiviti baru serta menetapkan tahap toleransi keseluruhan risiko Bank.</p>				
<p><b>PENGARAH JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bebas daripada pengurusan dan sertai oleh pengarah, dipengerusikan oleh seorang pengarah yang bebas.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji aktiviti pengurusan kanan dan memastikan proses pengurusan risiko dilaksanakan dan berfungsi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan risiko di semua peringkat diurus dengan efektif dan tahap toleransi risiko adalah dikuatkuasa dengan efektif.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji tahap-tinggi pendedahan risiko dan meluluskan keputusan pengurusan.</li> </ul>	
<p><b>JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO EKSEKUTIF</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan strategi risiko dan keputusan peruntukan modal Lembaga.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji pendedahan risiko Bank dan keadaan, serta menetapkan strategi kedudukan risiko yang sesuai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menaksirkan kemampuan Bank untuk menanggung risiko dalam senario biasa/stres, mengkaji pematuhan dengan halangan yang ditetapkan dan menimbang profil pulangan-risiko.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai dan meluluskan cadangan yang dibuat oleh pengurusan risiko dan unit perniagaan.</li> </ul>	
<p><b>FORUM RISIKO KUMPULAN</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji dan menimbang pendedahan risiko utama di peringkat Kumpulan.</li> <li>Menetapkan standard pengukuran dan toleransi risiko bagi Kumpulan.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji dan menetapkan keputusan bagi isu risiko biasa untuk diguna pakai di seluruh Kumpulan.</li> </ul>		
<p><b>JABATAN PENGURUSAN RISIKO</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadi platform pusat di mana risiko seluruh Bank dapat disatukan bagi tinjauan berasaskan portfolio.</li> <li>Menetapkan kaedah pengukuran risiko berpiawai supaya perbandingan dapat dibuat.</li> <li>Bertindak sebagai pusat sumber dalam menilai risiko untuk membantu pihak pengurusan, unit perniagaan dan operasi.</li> <li>Mencadangkan cara untuk mengawal atau meminimumkan risiko berasaskan portfolio.</li> </ul>					
<p><b>JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO PASARAN DAN PEMBIAYAAN</b></p>	<p><b>JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO KREDIT, STRATEGIK &amp; MODAL</b></p>	<p><b>JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO OPERASI &amp; PERUNDANGAN</b></p>			
<p><b>OBJEKTIF PENGURUSAN</b></p>					
<p><i>Risiko Pasaran</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan kerugian yang berpunca dari risiko pasaran diberi perhatian dengan serta-merta.</li> <li>Memastikan kedudukan risiko adalah cukup cair supaya Bank dapat mengurangkan kerugian.</li> </ul>	<p><i>Risiko Pembiayaan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan kewangan mencukupi untuk pembayaran kesemua komitmen kewangan.</li> <li>Memastikan struktur kewangan optimum dan kepelbagaian sumber kewangan, asas pelanggan dan tempoh matang.</li> </ul>	<p><i>Risiko Kredit</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan pendedahan risiko kredit dikekalkan dalam kemampuan Bank dan keupayaan kewangan untuk menahan kerugian yang mungkin dihadapi.</li> <li>Memastikan hasil pendapatan bersih selaras dengan risiko yang diambil.</li> </ul>	<p><i>Risiko Strategik</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan matlamat strategik korporat yang ditentukan oleh Kumpulan selaras dengan toleransi risiko yang berpatutan dan asas modal.</li> </ul> <p><i>Risiko Modal</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus sumber modal.</li> <li>Mengekalkan asas modal kukuh untuk memandu dan menyokong kemajuan Kumpulan, sambil memastikan pulangan pemegang saham dioptimumkan.</li> </ul>	<p><i>Risiko Operasi</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti dengan sistematik mata kritikal potensi untuk mengurangkan risiko yang mungkin berpunca daripada manusia/kegagalan proses dalaman/peristiwa luaran dalam operasi harian.</li> <li>Menilai potensi untuk mengurangkan impak risiko melalui tindakan meringankan dan polisi.</li> </ul>	<p><i>Risiko Perundangan/Peraturan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan tiadanya pelanggaran peraturan atau undang-undang atau peraturan yang terpakai.</li> <li>Memastikan standard polisi dan prosedur mengikut pematuhan.</li> <li>Menyemai budaya pematuhan standard di seluruh Kumpulan.</li> </ul>

## Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian akibat ketidakbolehan atau keengganan pihak lain menepati obligasi pembayaran. Pendedahan terhadap risiko kredit meningkat terutamanya daripada aktiviti pinjaman dan sedikit sebanyak akibat pra-penyelesaian dan pendedahan penyelesaian bagi aktiviti jualan dan dagangan.

Objektif utama rangka kerja pengurusan risiko ialah menentukan bahawa pendedahan terhadap risiko kredit sentiasa berada dalam kapasiti keupayaan daripada segi kewangan untuk bertahan menghadapi potensi kerugian di masa akan datang.

### Struktur Pengurusan Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit adalah di bawah pengawasan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko atau Executive Risk Management Committee (ERMC) yang mengendalikan risiko kredit. Para ahli dan jemuputannya termasuklah pihak pengurusan kanan unit perniagaan dan sokongan seperti jabatan perhubungan pinjaman, unit penilaian kredit dan Pengurusan Risiko.

Satu unit penilaian bebas penilaian kredit terhadap pendedahan baru, menggredkan peminjam baru dan sedia ada serta memastikan pematuhan semua garis panduan dan polisi yang berkaitan.

Pengurusan risiko amatlah penting sekali dalam operasi harian kami. Maka, kami memperuntukkan sumber-sumber penting termasuklah pelaburan dalam kakitangan dan teknologi untuk menyukat, menganalisis dan menguruskan risiko.

## Budaya Pengurusan Risiko Kami



Kelulusan pinjaman besar yang tertakluk dalam polisi yang diluluskan dibuat oleh Jawatankuasa Kredit dan Komitmen dengan beberapa pengecualian yang dibawa ke Jawatankuasa Eksekutif Pengarah. Ini termasuklah kelulusan pinjaman baru dan komitmen taja jamin serta kajian semula terma dan syarat pinjaman sedia ada.

### Kaedah Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit dikira berasaskan jangkaan frekuensi default dan jangkaan kerugian atas default daripada portfolio pinjaman dan komitmen kredit luar kunci kira-kira. Jangkaan frekuensi default diukur laras dengan model perkadaran dalaman manakala anggaran kerugian pinjaman adalah berdasarkan pengalaman default portfolio masa lalu.

Selain daripada syor-syor unit pengurusan risiko, aktiviti peminjaman dipandu oleh polisi kredit dalaman dan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga.

Bagi polisi-polisi ini, had nama mengawal pendedahan penuh yang dibenarkan untuk kumpulan korporat mengikut tahap nilai kredit mereka, manakala had sektor memastikan pendedahan kredit menyeluruh bagi setiap sektor ekonomi adalah pada ambang yang berhemah.

Had-had ini diawasi dan dilaporkan kepada pihak pengurusan kanan setiap bulan. Penentuan harga bagi pendedahan bukan runcit Kumpulan

AmBank juga dikawal oleh garis panduan pulangan tanda aras bagi memastikan pulangan minimum yang menggantikan semula risiko yang telah diambil, perbelanjaan operasi dan kos modal.


Bagi meningkatkan lagi kualiti keseluruhan pendedahan pinjaman, Lembaga juga meluluskan strategi pengurusan portfolio kredit yang direka untuk mencapai tahap toleransi risiko portfolio ideal yang dikehendaki dan pengagihan sektor untuk beberapa tahun akan datang. Strategi pengurusan portfolio ini termasuklah matlamat perkadaran kredit minimum bagi kemudahan baru, pendekatan yang lebih agresif terhadap mengurangkan pendedahan berisiko tinggi sedia ada dan pendedahan kepada sektor-sektor tertentu.

## Risiko Strategik

Risiko strategik di peringkat korporat adalah risiko Bank bahawa ia gagal mencapai matlamat-matlamat strategik korporat yang juga termasuk pelbagai risiko-risiko berkaitan dengan pelaksanaan usaha-usaha korporat dalam:

- Penyatuan dan pengambilalihan/ Penjualan Saham
- Penyusunan semula korporat
- Ikatan strategik dengan Ikatan strategik dengan pihak-pihak luaran
- Penerbitan dana

**Pendekatan Pengurusan Risiko Operasi**



Masalah risiko strategik diberi tumpuan dengan Penglibatan Lembaga sepenuhnya dalam menetapkan matlamat-matlamat di mana Lembaga kerap dimaklumkan berkenaan hal-hal berkesan ke atas pelaksanaan strategi korporat dan urusniaga/projek korporat. Due diligence dan menentusahkan proses-proses termasuk kelulusan cukai, undang-undang, kewangan dan pengawasan dan pelaksanaan perjanjian-perjanjian kerahsiaan. Pelaksanaan projek-projek dijalankan dengan penubuhan Jawatankuasa, penyelesaian masalah pelaksanaan secara tangkas dan melapor serta menjejak projek-projek.

**Pengurusan Risiko Modal**

Bank terus bergantung pada perolehan tertahan untuk memperbesarkan sumber modal bagi menggerakkan perniagaan Bank. Adalah menjadi polisi Bank untuk mengekalkan pangkalan modal yang kukuh untuk menyokong pembangunan perniagaannya dan memastikan

bahawa pulangan-pulangan para pemegang saham dioptimalkan.

Perkhidmatan korporat kumpulan menyelia kedudukan keperluan modal Bank untuk memastikan pematuhan kepada keperluan-keperluan BNM dan untuk mengambil tindakan untuk membaiki keadaan sebenar atau anggaran kekurangan modal. Pengurusan akan menyelia mengikut kala suku tahun atau mengikut keperluan, tahap dan aliran risiko material, kecukupan modal berbanding dengan pelbagai risiko dan pematuhannya kepada sasaran-sasaran kecukupan yang ditetapkan dan juga keperluan modal masa hadapan berasaskan profil risiko bank yang telah dilapor.

**Pengurusan Risiko Operasi**

Risiko operasi adalah potensi kerugian akibat kekurangan atau kerosakan dalaman proses, sumber manusia dan sistem atau kegagalan operasi akibat dari peristiwa luaran di


dalam operasi harian Bank yang dilaksanakan bagi mencapai objektif perniagaannya yang menghadkan atau menghalang objektif tersebut daripada tercapai. Kini semakin disedari bahawa risiko operasi merupakan risiko tunggal yang paling menular yang dihadapi oleh institusi kewangan hari ini.

Pengurusan risiko operasi merupakan satu disiplin yang mengenal pasti secara sistematik faktor potensi kritikal dan sebab-sebab kegagalan, menilai potensi kos dan meminimumkan kesan risiko tersebut melalui usaha dan polisi pengurangan risiko.

**Struktur Pengurusan Risiko Operasi**

Pengurusan risiko operasi adalah tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko Undang-undang dan Operasi atau Operational and Legal Risk Management Committee (OLRC) yang mengendalikan risiko operasi. Para ahli dan jemuatannya termasuklah pihak pengurusan kanan unit perniagaan dan sokongan.

**Pengurusan Risiko: Kemajuan dan Inisiatif Tahunan**



Polisi risiko operasi seperti yang diluluskan oleh OLRC akan dilaksanakan oleh unit-unit perniagaan Bank dan diawasi dan dilaporkan semula ke OLRC oleh Jabatan Pengurusan Risiko. OLRC mengkaji semula kecukupan kawalan untuk menguruskan risiko operasi berasaskan penilaian yang dilaksanakan dalam setiap unit operasi. Setiap suku tahun, OLRC akan membuat laporan kepada RMCD.

**Kaedah Pengurusan Risiko Operasi**

Bank mengurangkan risiko operasi dengan meletakkan polisi, kawalan dalaman dan prosedur yang sewajarnya serta mengekalkan prosedur sandaran bagi aktiviti-aktiviti utama dan melaksanakan perancangan luar jangkaan. Lanya disokong oleh kajian bebas oleh Bahagian Audit Dalaman.

Tanggungjawab utama untuk menguruskan risiko operasi jatuh ke atas setiap jabatan operasi. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kaedah penilaian risiko akan disokong dan dikawal oleh Jabatan Pengurusan Risiko yang mana fungsinya ialah menjelaskan standard minimum, polisi dan kaedah, mengawasi pematuhan, dan mengenal pasti serta melaporkan pendedahan risiko keseluruhan Bank. Jabatan-jabatan operasi bertanggungjawab menilai risiko operasi mereka dan mengkaji kawalan yang digunakan dari masa ke semasa secara berkala untuk memastikan

langkah-langkah yang diperkenalkan kekal relevan dan bersesuaian.

**Kesinambungan Perniagaan**

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan atau Business Continuity Management (BCM) meletakkan kepentingan di atas pembangunan keteguhan organisasi dan keupayaan untuk melindungi kepentingan-kepentingan pemegang-pemegang amanah Kumpulan serta jenama dan reputasi apabila berhadapan dengan kejadian-kejadian buruk yang mungkin mengganggu operasi. Penggunaan rangka kerja BCM di serata Kumpulan menjadi petunjuk bagi penerimaan satu pendekatan yang standard dalam merumus strategi kesinambungan dan bantuan dalam pemahaman dan penggunaan prinsip-prinsip BCM

BCM telah mengenal pasti sumber-sumber seperti sistem-sistem, tempat kerja dan premis-premis, peralatan-peralatan dan komunikasi yang diperlukan untuk memastikan kesinambungan operasi kritikal perniagaan jika berlakunya gangguan. Program BCM juga akan meningkatkan

kemampuan rancangan-rancangan kesinambungan dan pusat penemuan malapetaka dalam bidang-bidang yang sudah mapan seperti teknologi maklumat dan perbendaharaan.

**Risiko Reputasi**

Kami menyedari bahawa menjaga reputasi kami di kalangan pelanggan, pelabur, pengawalatur dan orang awam adalah satu aspek penting untuk mengurangkan risiko undang-undang dan operasi. Pengekalan reputasi kami tertakluk kepada banyak faktor-faktor termasuk pemilihan pelanggan dan bagaimana aktiviti-aktiviti perniagaan kami dikendalikan. Kami berusaha untuk menjaga reputasi kami dengan cara menyaring calon-calon pelanggan dan dengan mengendalikan aktiviti-aktiviti perniagaan mengikut piawaian etika yang tinggi.

Bank telah memulakan Program Kelulusan Hasil-hasil atau Product Approval Programme (PRAP). PRAP memastikan bahawa semua risiko yang wujud dalam hasil-hasil dan

pakej kewangan yang baru dan aktiviti perniagaan yang berkaitan dapat dikenal pasti dan langkah-langkah diambil untuk mengurangkan risiko ini diadakan sebelum hasil-hasil ini dilancarkan. Semua hasil-hasil baru memerlukan kelulusan daripada unit-unit kawalan risiko yang berkenaan termasuk Pengurusan Risiko, Undang-undang, Kewangan dan Audit Dalaman serta Lembaga.

## Pengurusan Risiko Perundangan dan Peraturan

Risiko perundangan timbul daripada potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan yang terpakai, kontrak yang tidak dapat dikuatkuasakan, tuntutan mahkamah, atau penghakiman bertentangan, yang boleh mengakibatkan berlakunya kerugian, gangguan atau menghasilkan risiko kewangan dan reputasi. Risiko perundangan diurus oleh penasihat undang-undang dalaman serta OLRC dan jika perlu, melalui perundingan dengan penasihat undang-undang luar bagi memastikan risiko perundangan diminimumkan.

Satu asas penting yang membentuk sebahagian daripada mana-mana Bank kewangan yang berjaya adalah keupayaannya untuk menyedari dan menangani risiko peraturan. Bank percaya bahawa mematuhi kehendak-kehendak peraturan yang sentiasa ada dan meneruskan usaha untuk memupuk budaya pematuhan di semua peringkat kakitangannya. Jabatan Pematuhan melaksanakan tugas ini dengan memastikan yang langkah-langkah yang sesuai diperkenal dan digunakan dengan sewajarnya.

Antara langkah-langkah yang telah diperkenalkan adalah pemantauan dan laporan, latihan, penyediaan nasihat dan penyebaran maklumat. Satu proses telah wujud untuk pemiawaian amalan-amalan pematuhan di seluruh Bank.

Sistem pemantauan pematuhan dan laporan pada dasarnya adalah satu mekanisme di mana perniagaan memantau pematuhan peraturan. Proses ini, yang memerlukan penilaian sendiri yang tetap oleh kakitangan, memberi jaminan kepada pengurusan bahawa kakitangan sedar dan mematuhi kehendak-kehendak peraturan. Proses ini mencapai



puncaknya dengan laporan bulanan, suku tahun dan pengecualian yang dijalankan secara dalam talian.

Latihan kesedaran terhadap pematuhan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan untuk memastikan bahawa kakitangan mengikuti perkembangan perbankan, sekuriti dan undang-undang anti-pelaburan wang haram, serta perkembangan peraturan yang lain. Program-program latihan ini membantu kakitangan membangunkan kemahiran mereka dalam mengenal pasti isu-isu pematuhan serta membina etika korporat.

Jabatan Pematuhan juga menyediakan nasihat mengenai perkara-perkara peraturan dan langkah-langkah yang bakal dilaksanakan oleh Bank untuk memudahkan pematuhan semua peraturan. Untuk meningkatkan lagi pemahaman, Jabatan ini menjalankan taklimat, menyebarkan maklumat serta mengetuai usaha-usaha penyelarasan.

Penyimpan maklumat dalam talian, iaitu Repositori Pematuhan, menyediakan akses mudah kepada kakitangan untuk mencari maklumat peraturan menerusi pelbagai kaedah-cariannya.

## Pematuhan kepada BASEL II

Untuk terus mempertingkatkan proses-proses Pengurusan Risiko, Bank telah memulakan Projek Pengurusan Risiko Berintegrasi untuk memastikan pematuhan dengan Basel II. Fasa 1 melibatkan satu diagnostik/analisis jurang merangkumi kredit, pasaran dan risiko operasi dan perumusan satu rangka tindakan termasuk juga jadual pelaksanaan.

Fasa 2 pula melibatkan pendekatan bersepadu untuk menangani risiko kredit dan mengkaji semula dasar dan proses-proses yang sedia ada.

## Rancangan Akan Datang

Ekonomi sedang mengalami perubahan struktur dan kitaran perniagaan yang lebih pendek. Tambahan pula kelajuan aliran maklumat juga telah mengakibatkan suasana perniagaan yang lebih mudah ubah. Sehubungan dengan ini maka Bank akan terus mengukuhkan sistem pengurusan risiko dan prosesnya.